

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L  
ARULANANDAM [KUALA LANGAT]**

**SOALAN**

**DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM [ KUALA LANGAT ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status perkembangan laporan Pasukan Petugas (Task Force) yang diamanahkan untuk mengkaji hukuman alternatif bagi hukuman mati.

**JAWAPAN: YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori telah menyiapkan laporan akhir yang mengandungi syor-syor hukuman gantian terhadap 11 kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori, kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] dan 21 kesalahan yang membawa hukuman mati tetapi dengan budi bicara mahkamah.

Laporan tersebut sedang dalam penelitian lanjut oleh Kerajaan sebelum ia dilaksanakan supaya kepentingan dan kemaslahatan rakyat secara keseluruhannya diambil kira. Ini termasuklah aspek berkaitan pencegahan jenayah, kesan yang dihadapi oleh keluarga mangsa serta kesedaran kepada orang awam.

Sekian, terima kasih.